



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SCHOOL OF COMPUTING
Faculty of Engineering

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FACULTY OF ENGINEERING

SCHOOL OF COMPUTING

SEMESTER I, SESSION 2020/2021

TUGASAN DALAM KULIAH 3

UHS 1022: PHILOSOPHY AND CURRENT ISSUES

SECTION 78

MEMBERS' NAME:

- | | |
|-------------------------------------|-----------|
| 1. NUR AFIKAH BINTI MOHD HAYAZI | A20EC0220 |
| 2. MUHAMMAD AMIN HAIQAL BIN ROSLEE | A20EC0207 |
| 3. MUHAMMAD HARUN BIN MARZUKI | A20EC0212 |
| 4. OMAR MOKHTAR BIN YOHAN | A20EC0128 |
| 5. IMAN AIDI ELHAM BIN HAIRUL NIZAM | A20EC5006 |
| 6. UMI SUHANA BINTI ABDUL RAHMAN | B20EC0055 |

GROUP NUMBER: 4

CHAPTER: BAB 3 - LOGIK & KAEDAH BERFIKIR

SUBMISSION DATE: 26 - NOVEMBER - 2020

LECTURER'S NAME: DR. NURAZMALLAIL BIN MARNI

ARAHAN

Setiap kumpulan perlu mencari satu iklan untuk dianalisis tentang falasi yang terdapat dalam iklan tersebut. Senaraikan link bagi iklan tersebut bersama minimum 3 falasi dan ulasan ringkas mengenai iklan tersebut.



Rajah 1: Iklan Colgate Optic White

Video Iklan Colgate: <https://www.youtube.com/watch?v=IhxY9udfXyU>

Iklan yang kami pilih untuk dianalisa adalah iklan **Colgate** iaitu salah satu daripada jenama ubat gigi ternama di Malaysia. Merujuk kepada iklan ini, terdapat 3 falasi yang kami temui dalam analisis yang kami jalankan iaitu:

1. Colgate menggunakan statistik di mana lebih daripada 80% doktor gigi bersetuju bahawa ubat gigi Colgate adalah pilihan utama mereka.
 - Perkara ini menjadi satu falasi kerana Colgate hanya mengambil sampel maklumbalas daripada sebilangan kecil doktor gigi untuk mendapatkan statistik tersebut. Oleh itu, hakikatnya 80% tersebut bukannya daripada keseluruhan doktor gigi di seluruh dunia. Colgate tidak dapat membuktikan ia adalah pilihan ubat gigi utama yang disyorkan oleh semua doktor gigi kerana sampel bukti yang terhad.

2. Colgate meyakinkan pengguna bahawa ia dapat menghalang penyebaran kavitasi pada gigi.
 - Merujuk kepada video iklan tersebut, ia mengatakan bahawa Colgate mampu menghapuskan kavitasi pada gigi dan kanak-kanak tersebut tidak lagi perlu risau pada pengambilan manisan kerana Colgate dapat melindungi giginya dari serangan kavitasi. Hal ini menjadi satu falasi kerana ia tidak menunjukkan bukti yang kukuh bahawa Colgate dapat menghalang kavitasi dan hanya mengatakan kandungan kalsium dan fluorida yang ada dalam Colgate dapat menghalang kavitasi.
3. Colgate dapat memutihkan gigi dengan cepat dan dapat melihat perubahannya hanya dalam tempoh 1 hari.
 - Melihat kembali pada gambar iklan Colgate di atas, ia menunjukkan bahawa dengan penggunaan Colgate ia dapat memutihkan gigi dengan pantas satu hari. Perkara ini menjadikan ia satu falasi pengiklanan kerana ia adalah satu fakta yang sangat tidak relevan. Hal ini kerana, tiada sebarang produk yang bagus dapat menunjukkan perubahan dengan hanya satu hari penggunaan. Setiap produk perlukan masa untuk bertindak balas. Jika fakta tersebut adalah benar, maka ia membuktikan bahawa Colgate mengandungi bahan yang bahaya untuk digunakan.

Secara rumusannya, iklan Colgate mengandungi falasi-falasi yang dapat menyebabkan penonton salah ertikan kebaikannya. Hal ini kerana, fakta yang ditunjukkan dalam iklan tersebut adalah tidak benar kerana tiada sokongan yang sah. Dalam era digital masa kini, terlampau banyak falasi yang disebarkan terutamanya dalam industri pengiklanan. Oleh itu, kita sebagai manusia yang dikurniakan akal fikiran haruslah membuat suatu keputusan dengan bernas terutamanya dalam pembelian sebarang produk.